

Terima kasih untuk rakyat daripada Dr M

BH 01/11/2003 - 2 PRECISE

Oleh Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara semalam sebagai Perdana Menteri keempat menyatakan rasa terima kasih kepada sokongan rakyat sepanjang 22 tahun beliau menerajui kerajaan.

Beliau berkata, kejayaan yang dicapainya sepanjang tempoh itu adalah hasil sokongan rakyat, pegawai kerajaan dan sektor korporat yang berjaya merealisasikan matlamat memajukan negara.

"Saya berhajat untuk ucap terima kasih pada semua pihak, rakyat dan pegawai kerajaan dan anggota Kabinet dan juga ahli parti politik yang telah memberikan kerjasama kepada saya selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

"Saya walaupun terpaksa menghadapi beberapa masalah tetapi semua masalah dapat diatasi akhirnya dan ini adalah kerana sokongan dan bantuan rakyat, daripada pegawai kerajaan termasuk polis, tentera dan lain-lain yang menjalankan tugas mereka sebagai profesional iaitu tidak menyebelahi mana-mana pihak, sebaliknya memberi khidmat kepada kerajaan pilihan rakyat.

"Inilah cara kita di Malaysia. Pendapat kita mungkin berlainan, tetapi apabila menjalankan tugas, kita menjalankan tugas seperti yang dikehendaki daripada pegawai-pegawai," katanya pada sidang akhbar terakhirnya sebagai Perdana Menteri di sini, tengah hari semalam.

Pada sidang akhbar selama 30 minit itu yang turut dihadiri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Dr Mahathir sebab beberapa ketika menjawab beberapa soalan.

Sidang akhbar itu bagi membolehkan Dr Mahathir menyatakan rasa terima kasih terhadap ucapan dan surat penghargaan dan terima kasih yang dihantar rakyat segenap lapisan kepadanya dan

Dr Mahathir juga meminta rakyat dan pegawai kanan supaya memberikan sokongan padu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Berikut adalah transkrip penuh sidang akhbar Dr Mahathir.

DR MAHATHIR: Assalamualaikum. Pada hari ini seperti semua pihak sedia maklum saya akan meletakkan jawatan saya sebagai Perdana Menteri pada satu upacara yang akan diadakan di Istana Negara. Saya berhajat untuk ucap terima kasih pada semua pihak, rakyat dan pegawai kerajaan dan anggota Kabinet dan juga ahli parti politik yang telah memberikan kerjasama kepada saya selama 22 tahun saya menjadi Perdana Menteri.


Saya walaupun terpaksa menghadapi beberapa masalah tetapi semua masalah dapat diatasi akhirnya dan ini adalah kerana sokongan dan bantuan daripada rakyat, daripada pegawai kerajaan termasuk daripada polis, tentera dan lain-lain yang menjalankan tugas mereka sebagai profesional iaitu tidak menyebelahi mana-mana pihak, sebaliknya memberi khidmat kepada kerajaan pilihan rakyat. Inilah cara kita di Malaysia. Apapun pendapat kita mungkin berlainan, tetapi apabila menjalankan tugas, kita menjalankan tugas seperti yang dikehendaki daripada pegawai-pegawai.

Saya juga ucapkan terima kasih pada semua yang menghantar kad ucapan terima kasih kepada saya dan isteri saya. Saya tidak dapatlah jawab satu persatu. Untuk itu, saya harap melalui saluran ini dapatlah saya jawab kepada semua yang menghantar kad, sekolah buat kad besar dan tandatangan di atas kain rentang dan sepanduk dan macam-macam lagi yang menyatakan ucapan terima kasih kepada saya kerana khidmat yang telah saya dapat memberi selama 22 tahun. Semua usaha ini memberi kepuasan kepada hati saya kerana inilah balasan yang lebih besar daripada yang lain-lain iaitu penghargaan yang diberikan dan ucapan terima kasih yang disampaikan.

Saya turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menghantar surat, kad dan macam-macam lagi cara sempena tamatnya khidmat saya dalam kerajaan pada hari ini (semalam) dan ucap selamat terhadap persaraan. Saya berharap kerjasama yang telah diberikan kepada saya ini dapat diteruskan kepada kepimpinan yang baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Kabinetnya dan juga kerajaan supaya sama-sama dapat kita bangunkan negara kita untuk kesejahteraan hidup kita bersama. Saya berdoa supaya semua rakyat Malaysia berada dalam keadaan sihat walafiat, dapat menikmati kemudahan dan kesejahteraan hidup. Saya akhir sekali ingin mengucapkan, sekali lagi berbilang terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan dan pihak swasta yang telah bersama-sama menjayakan negara kita semasa saya menjadi Perdana Menteri. Itu sajalah.

SOALAN: Apa rancangan Tun selepas ini?

DR MAHATHIR: Saya hadapi sesuatu apabila ia datang. Saya akan cuba menulis sesetengah pengalaman saya kerana ia mungkin berguna kepada orang lain.



ABDULLAH menunjukkan Fail Peribadi Perdana Menteri yang diterimanya daripada Dr Mahathir selepas beliau secara rasmi mengambil alih jawatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. - Gambar AFP

SOALAN: Adakah Tun akan terus lantang bersuara seperti diharapkan pihak tertentu?

DR MAHATHIR: Ia bergantung kepada lokasi. Saya mungkin tertinggal jemputan. Saya menerima banyak jemputan untuk bercakap dan jika ada peluang saya akan memberi pandangan secara terbuka.

SOALAN: Apakah perkara pertama yang akan dilakukan Tun esok pagi dan Tun banyak pesanan kepada rakyat, kepada pegawai kerajaan seperti seolah-olah ada kebimbangan Tun?

DR MAHATHIR: Yang pertama, esok pagi saya harap dapat bertolak ke luar negara untuk berehat sekejap. Tok sah (tidak payah) tanya mana saya pi (pergi)...saya pi (pergi) rehat sajalah.

Yang keduanya, memang pun satu tabiat apabila seseorang berhenti daripada satu-satu jawatan, beliau dikehendaki memberi pandangan dan nasihat kepada pihak-pihak yang mungkin disentuh olehnya semasa beliau bekerja. Bagi saya, saya bagi nasihat dan satu lagi ialah kerana nasihat kita diminta supaya memberi nasihat. Saya bagilah nasihat. Terima atau tidak, itu lain kiralah. Kepada pemberita pun saya beri nasihat juga kalau dia tanya. Kalau tak tanya, saya tak bagi.

SOALAN: Apakah nasihat Tun kepada wartawan?

DR MAHATHIR: Buat laporan secara ikhlas dan berpegang kepada kebenaran. Jangan sengaja atau menjadikan satu agenda sendiri untuk memburukkan sesiapa atau memajukan agenda sendiri dengan cara yang tidak baik, membuat laporan yang tidak benar, menyinggung perasaan orang yang tidak dapat nak balas balik.

SOALAN: Apakah Tun berpuas hati dengan pencapaian sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri?

DR MAHATHIR: Puas hati, memang saya kata tidak. Banyak lagi yang boleh kita buat tapi kita kena terima hakikat iaitu walaupun kita ingin buat tak dapat nak buat kerana sebab-sebab tertentu. Dengan itu, setakat itu saya berpuas hati tapi jangan fikir banyak lagi sepatutnya saya lakukan semasa saya jadi Perdana Menteri.

SOALAN: Tinggal beberapa jam lagi sebagai Perdana Menteri. Apakah perasaan Tun ketika ini dan rasa beban yang ditanggung sudah diangkat dari bahu?

DR MAHATHIR: Saya rasa beban besar saya tidak perlu lagi saya hadapi terutama permintaan yang saya tidak dapat bantu dan beri yang bukan hak saya untuk diberikan. Tekanan seperti ini dan arahan seperti ini adalah salah untuk saya lakukan. Ketika ini saya rasa lega. Ya.

SOALAN: Kejayaan paling besar yang dicapai oleh Tun sepanjang menjadi Perdana Menteri?

DR MAHATHIR: Seperti yang pernah saya katakan, sebelum saya menjadi Perdana Menteri ada banyak kesangsaan terutama di kalangan bukan Melayu, orang Cina dan India. Mereka berpendapat saya seorang ultra (Melayu) tetapi pada akhir kerjaya saya sebagai Perdana Menteri saya berjaya menghapuskan kesangsaan ini dan sekarang sokongan mereka cukup kuat. Itu satu yang saya sangat puas hati.

SOALAN: Apakah kejayaan pada peringkat antarabangsa yang dicapai Tun?

DR MAHATHIR: Malaysia kini lebih terkenal dan saya berpendapat rakyat negara ini walaupun mereka yang tidak setuju, tidak dapat meniadakan fakta kita meninggalkan kesan di peringkat antarabangsa.

SOALAN: Ramai yang masih tidak dapat menerima dan bersedih dengan peletakan jawatan Tun. Apa kata akhir Tun kepada mereka?

DR MAHATHIR: Itulah yang saya katakan tadi ialah saya sedih...sedihlah tapi hakikatnya saya menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun. Itu satu masa yang panjang. Adalah baik untuk mempunyai perubahan. Walaupun saya masih boleh bekerja, saya tidak berkata saya sakit atau semacam tu...Alhamdulillah tetapi perubahan adalah baik untuk negara.

Soalan untuk Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali

SOALAN: Bagaimana perasaan Tun mengenai persaraan Dr Mahathir dan bagaimana aktiviti yang disertai Tun selepas ini?

DR SITI HASMAH: Yang pertama, ketika ini saya rasa lega dan berterima kasih kepada negara dan rakyat kerana mengembalikannya suami saya. Saya sudah 'pinjamkannya' untuk lebih 22 tahun dan saya berharap beliau dapat bersama keluarga lebih kerap berbanding sebelum ini.

Mengenai aktiviti saya, kebanyakan aktiviti terpaksa saya pilih selepas balik daripada bercuti. Ada antaranya peringkat antarabangsa, ada yang peringkat nasional. Tetapi saya sudah memberitahu organisasi antarabangsa yang saya bukan lagi wanita pertama dan (Datin Seri) Endon Mahmood akan mengambil alih.

Untuk aktiviti peringkat nasional saya perlu lebih selektif. Saya tidak boleh hadir semua. Saya kena memilih.

SOALAN: Bagaimana Tun dapat mengawal perasaan dan terus tenang menghadapi pelbagai masalah seperti krisis ekonomi dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Bagaimana Tun terus tenang?

DR MAHATHIR: Satu caranya saya belajar mengawal perasaan saya. Sejak kecil, seperti pernah saya ceritakan bagaimana saya takut pada anjing. Kemudian saya memutuskan untuk tidak lagi takut kepada anjing. Saya berhenti berlari dan berpusing dan memandang kepada anjing itu. Persoalan untuk mengawal perasaan, keinginan memberitahu rahsia kepada orang lain adalah tekanan besar. Perasaan untuk memberitahu orang lain apa yang anda tahu...saya terpaksa kawal. Sepanjang hidup saya belajar mengawal perasaan saya cuma kadang kala saya "break-down"

Satu-satu cara untuk menghadapi krisis ialah melihatnya dengan tenang dan mencari cara dan kaedah menangani krisis itu. Walaupun di luar nampak tenang tetapi otak saya berpusing pada kadar pantas kerana saya berfikir sepanjang masa. Saya tidak tahu sama ada orang berpendapat saya ini tenang atau tidak. Kadang kala saya tidak tenang.

DR SITI HASMAH: Saya berpendapat suami saya dirahmati keupayaan untuk menghadapi cabaran secara tenang. Apabila menghadapi sesuatu masalah, beliau akan menganalisisnya dulu dan mencari puncanya dan mencari jalan mengatasinya.